

02/12/2000

Kementerian terima sijil tanam pokok

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini menerima sijil Malaysia Book of Records kerana berjaya menanam 110,461 pokok dalam tempoh seminit secara serentak di seluruh negara mengatasi sasaran 100,000 sebelum ini.

Rekod itu dicatat 15 Oktober lalu pada kempen penanaman pokok alaf baru sempena sambutan Hari Habitat Sedunia.

Menterinya, Datuk Seri Ong Ka Ting berkata, pencapaian itu membanggakan Malaysia kerana jumlahnya mengatasi rekod dunia penanaman pokok, namun ketika ini pihaknya masih menunggu keputusan Guinness Book of Records.

"Semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur mengatasi sasaran bilangan pokok yang ditanam," katanya pada sidang akhbar mengumumkan rekod penanaman pokok alaf baru, di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Datuk Ismail Ngah; Pengerusi Kumpulan Penanaman Pokok (TPG) Persatuan Pencinta Alam, John S C Loh dan Pengurus Perhubungan Korporat Malaysia Book of Records, Irene Liang.

Ong yang sedikit kecewa dengan pencapaian WP menyeru pihak yang terbabit dalam pembinaan supaya menyeimbangkan antara pembangunan dan persekitaran hijau dengan memperuntukkan sedikit kawasan.

Katanya, kekurangan tempat untuk menanam pokok terutamanya di ibu negara akan menyebabkan kualiti hidup rakyat menurun jika tiada langkah bijak diambil untuk mengatasinya.

Dalam perkembangan lain, kementeriannya akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan pusat supaya 3 Mac setiap tahun dijadikan hari penanaman pokok yang mana hari berkenaan adalah Hari Landskap Kebangsaan.

"Kita mahu tarikh 3 Mac menjadi tanda permulaan kempen penanaman pokok yang pernah dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac 1997," katanya.

Di samping itu, katanya, cadangan kementerian juga untuk menjadikan penanaman pokok pada hari itu sebagai acara tahunan yang disambut rakyat Malaysia.

(END)